



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.4/2022  
PADA 27 APRIL 2022 (RABU) JAM 9.00 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Majlis dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan dengan semangat kerja berpasukan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran sama-sama kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya kita bakal menyambut Hari Raya Aidilfitri bulan yang melambangkan kemenangan dan kegembiraan. Dikesempatan yang penuh keberkatan ini juga, saya ingin mengambil peluang memanjatkan doa kehadrat ilahi kerana dengan izin-Nya kita dapat menyambut Aidilfitri pada tahun ini dalam suasana Fasa Peralihan ke Endemik.
6. Ketibaan Aidilfitri sememangnya dinanti-nantikan, tanpa mengira kaum, agama, latar belakang ekonomi dan status sosial. Kemeriahan Aidilfitri dan juga perayaan-perayaan lain seperti Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas yang diraikan bersama-sama dapat menyuburkan semangat perpaduan di mana persamaan ditonjolkan

dan kepelbagaian yang ada diraikan. Konsep rumah terbuka yang diadakan sempena sambutan setiap perayaan telah mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum. Keistimewaan ini harus dibanggakan dan tradisi amalan rumah terbuka dapat menyatukan dan menguatkan ikatan kemasyarakatan.

7. Walaupun kita telah berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik pada 1 April 2022, namun saya berharap kita tidak leka untuk sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini yang sedang berkuatkuasa demi keselamatan bersama.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Menurut ahli falsafah dunia, Aristotle "*Happiness is the meaning and the purpose of life, the whole aim and end of human existence*". Ini menunjukkan bahawa falsafah kebahagiaan telahpun dibincangkan sejak berkurun dahulu lagi. Pelbagai definisi dan perspektif berbeza dalam mengertikan erti kebahagiaan itu sendiri.
9. Namun konteks kebahagiaan dalam pekerjaan merupakan aspek penting dalam meningkatkan prestasi sesebuah organisasi. Pelaksanaan tugas hakiki yang telah diberikan perlu dilakukan dengan penuh minat dan tanggungjawab bagi memastikan hasil kerja yang baik. Suasana ini membantu pekerja dalam mewujudkan budaya kerja yang positif seperti semangat kerjasama, motivasi dan komitmen yang tinggi, semangat setiakawan serta semangat kekitaan. Budaya kerja yang positif ini akan membantu individu untuk mencapai kejayaan serta matlamat diri yang sejajar dengan matlamat organisasi.

10. Justeru itu, pada 3 April 2022, Jabatan Perancangan dan Desa (PLANMalaysia) telah mengumumkan bahawa Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis sebagai negeri 'Bahagia' apabila kesemua daerahnya mendapat skor melebihi 80 peratus dalam Indeks Kebahagiaan 2021 bagi bandar di Malaysia. Pengukuran Indeks kebahagiaan di Malaysia dijalankan melalui Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets) menyenaraikan antara indikator yang dinilai melalui borang soal selidik merangkumi 14 aspek utama iaitu tahap kehidupan dan kesihatan, keselamatan kawasan kediaman dan kemudahan awam, infrastruktur asas yang disediakan, kebahagiaan bersama keluarga dan saudara mara serta keseronokan ditempat kerja.
11. Jelaslah dengan pengumuman ini, telah membuktikan bahawa Majlis Bandaraya Seremban berjaya menyampaikan perkhidmatan seperti ekspektasi warga bandar raya Seremban. Ukuran Indeks kebahagiaan ini menjadi tanda aras kualiti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pelaksanaan pengukuran Indeks Kebahagiaan di Malaysia adalah penting sebagai tanda aras dalam memperkasakan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada masyarakat, sekali gus dapat menjamin kesejahteraan bandar. Jabatan Perancangan dan Desa (PLANMalaysia) turut menyenaraikan 80 daripada 114 pihak berkuasa tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia dan Sabah, mencapai skor melebihi 80 peratus (Bahagia) mengambil kira aspek yang berkaitan dengan tahap dan kualiti perkhidmatan PBT.

12. Jelasnya, PBT merupakan agensi kerajaan paling rapat dengan masyarakat dalam menyelesaikan masalah berbangkit seterusnya dapat menambah baik kualiti kehidupan penduduk di sesebuah bandar. Sehubungan itu, saya menyeru kepada warga Majlis Bandaraya Seremban termasuk Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban untuk terus komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang dilakukan. Saya turut ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban atas komitmen dalam menyampaikan perkhidmatan kepada warga Bandar Raya Seremban.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **BANDAR MAMPAN**

13. Pada tahun 2021, Majlis Bandaraya Seremban telah berjaya mencapai status Bandar Mampan melalui Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia (MURNInets) dengan markah keseluruhan sebanyak 86.98% hasil daripada penilaian data tahun 2020 yang merangkumi 39 indikator penunjuk. Dalam kategori Dewan Bandaraya / Majlis Bandaraya / Perbandaran, Majlis Bandaraya Seremban berada dalam kedudukan 8 daripada 18 kedudukan di mana Majlis Bandaraya Seremban telah dinobatkan sebagai salah satu Bandar Bahagia di Malaysia dengan markah peratusan sebanyak 83.59%. Data ini pula diperoleh hasil kerjasama daripada semua Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban yang telah mengedarkan borang kaji selidik secara atas talian kepada penduduk di Kawasan zon masing masing.

*Sumber: Jabatan Perancangan Pembangunan*

## **PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN & KESIHATAN PERSEKITARAN**

14. Sehingga 26 Mac 2022, Pejabat Kesihatan Daerah telah melaporkan sebanyak 208 kes demam denggi dan 1 kes kematian dalam Kawasan Pentadbiran Majlis. Manakala, sehingga 31 Mac 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah melakukan aktiviti kawalan *fogging* ke atas 17,010 premis, ULV 28,538 premis, *lrvaciding* 14 lokaliti, 14 lokaliti *source reduction* dan gotong-royong di 28 taman serta sebanyak 127 sanitasi dan 143 disinfeksi telah dilakukan.
15. Sehingga 17 April 2022, kedudukan terkini Tanah Perkuburan Islam Ainsdale sebanyak 204 kematian biasa dan 493 kematian COVID-19 direkodkan. Bagi tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 112 kematian biasa dan 23 kematian COVID-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2, sebanyak 48 kematian biasa direkodkan. Tanah Perkuburan Islam Nilai telah dibuka pada 15 April 2022. Namun sehingga 17 April 2022 tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan ini.
16. Taman Rasah Kemayan Fasa 3, 4, dan 6 telah mula diberikan perkhidmatan permbersihan awam (pemotongan rumput dan pembersihan longkang) bermula 1 April 2022 dan kerja-kerja pemotongan rumput di tiga zon dalam kawasan Bandar Baru Nilai bagi tempoh 1 April 2022 sehingga 30 Jun 2022 diambil alih sepenuhnya oleh pihak SWCorp/SWME. Majlis Bandaraya Seremban turut menawarkan kerja-kerja pembersihan di semua kubur seliaan Majlis kepada tiga kontraktor mulai 1 April 2022 sehingga 31 Mac 2023.

17. Pada 28 Mac 2022 sehingga 7 April 2022, Majlis Penyerahan Sijil Premis Makanan Gred A di Kawasan Majlis Bandaraya Seremban sempena ulang tahun ke-2 MBS telah diadakan bersama dengan Ahli Majlis Kawasan melibatkan 66 premis. Sehingga 18 April 2022M/16 Ramadhan 1443H, sebanyak 28 lokasi bazar Ramadhan telah beroperasi dan 6 lokasi dibatalkan atas permohonan pengajur. Manakala 11 lokasi bazar Aidilfitri telah beroperasi sepenuhnya.

*Sumber: Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran*

## **PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2021-2025**

18. Bengkel Siri Akhir iaitu Bengkel Penulisan, Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MBS 2021-2025 telah diadakan pada 28 hingga 31 Mac 2022 di Hotel Hatten Melaka. Bengkel ini telah dihadiri oleh 25 peserta yang terdiri daripada sebahagian pegawai dari struktur tadbir urus PSP Majlis Bandaraya Seremban. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyediakan dokumen penuh Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MBS 2021-2025 termasuk Ringkasan Eksekutif PSP MBS 2021-2025.
19. Status pembangunan PSP MBS 2021-2025 adalah dalam tindakan pemurnian penulisan dokumen penuh PSP. Sesi *Sign-Off* antara Majlis Bandaraya Seremban dengan pihak Pasukan Khidmat Nasihat, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, PSUKNS dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2022.

*Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi*

## **MESYUARAT MAJLIS PENUH**

20. Pada 30 Mac 2022 (Rabu), Mesyuarat Majlis Penuh MBS mencipta sejarahnya tersendiri apabila buat julung julung kalinya disiarkan secara langsung dan boleh diakses menerusi laman sosial *Facebook* Majlis Bandaraya Seremban. Semoga dengan pendekatan terbaharu yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seremban ini, warga Seremban dapat mengikuti Mesyuarat Majlis Penuh secara langsung dan dapat mengikuti serta mengetahui perkembangan Majlis Bandaraya Seremban. Inisiatif ini juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri supaya semua PBT di Negeri Sembilan melaksanakan Mesyuarat Majlis Penuh secara terbuka.

*Sumber: Unit Urusetia Mesyuarat*

## **INTEGRITI**

21. Warga Majlis Bandaraya Seremban termasuk Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis perlu sentiasa menerapkan nilai-nilai murni dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan efisien. Penjawat awam yang berintegriti tinggi sememangnya diperlukan bagi memastikan dasar-dasar dan strategi Majlis Bandaraya Seremban dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sistem perkhidmatan yang baik perlu seiring dengan intergriti yang mantap di kalangan warga Bandaraya Seremban. Justeru itu, adalah penting bagi warga Bandaraya untuk melaksanakan segala amanah yang dipikul dengan penuh berintegriti dan bertanggungjawab.

*Sumber: Unit Integriti*

## PENUTUP

YBhg. Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

22. Saya berharap warga Bandaraya Seremban sentiasa menumpukan usaha dalam memajukan dan menambahbaik Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat untuk warganya. Insya Allah, suatu masa nanti bandar raya Seremban mampu berperanan sebagai Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju dalam menyediakan perkhidmatan pintar yang efisien, berkualiti dan telus bagi memastikan warga bandaraya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera. Malah ia boleh menjadi contoh dan model bandar yang sejahtera untuk didiami, bekerja, belajar dan untuk beriadah pada tahap global seterusnya membawa komuniti yang berdaya maju yang mempunyai prasarana yang mesra pelabur dan seterusnya membawa bandar ini lebih maju pada masa akan datang.
23. Dalam kemeriahinan menyambut Aidilfitri di Fasa Peralihan ke Endemik ini, di mana lebih banyak SOP dilonggarkan, saya meminta semua warga Bandar Raya Seremban sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan amalan norma baharu iaitu mengelakkan 3S, iaitu elakkan kawasan sesak (*crowded places*), kawasan sempit (*confined spaces*), dan elakkan sembang dengan jarak yang dekat (*close conversations*). Kita juga digalakkan 3W, iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai alat pelitup muka (*face mask*) di tempat awam dan jika bergejala (*wear*) dan mengambil berat akan amaran dari KKM yang bersifat peringatan (*warn*).

24. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua warga Bandar Raya Seremban. Semoga lebaran kali ini, dapat meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
27 APRIL 2022